

Amanat Naib Canselor di Majlis MINGGU Suai Mesra Mahasiswa Sesi 2008/2009; pada 2 Julai (Rabu) jam 8.30 malam, Dewan Canselor.

TEMA UCAPAN : "UNIVERSITI CERIA"

*Bismillahir Rahmannir Rahim
Assalammualaikum warahamatullahir wabarakatuh
Dan Salam Sejahtera
Terima kasih Pengacara Majlis,*

Yang Berbahagia Pegawai-Pegawai Utama UMS,

Yang Berusaha Dr. Jualang Gansau
Pengarah MSM 2008/2009

Pengurusan Kanan UMS

Ahli-Ahli Jawatankuasa MSM

Para Kakitangan

Pimpinan Pelajar

**Mahasiswa Mahasiswa Sesi 2008/2009 yang dikasihi
sekalian,**

A) PENDAHULUAN

Terlebih dahulu saya merafakkan setinggi-tinggi rasa syukur ke hadzrat Allah swt kerana diberi peluang dan kesempatan yang amat berharga dan bersejarah ini untuk bersama-sama dengan mahasiswa mahasiswi Universiti Malaysia Sabah SESI 2008/2009 di Dewan Canselor yang amat indah pada malam yang ceria ini.

Ingatlah pada hari ini saya mengalu-alukan kemasukan anda semua. Tiga atau empat tahun (lima tahun bagi mahasiswa

perubatan) dari sekarang, insyaAllah, pastikan anda masih berada di sini.. Naik ke atas pentas untuk menerima segulung ijazah yang akan membawa makna dan memberi keceriaan kepada diri, keluarga dan masyarakat anda.

Secara peribadi, Majlis pada hari ini amat bermakna kepada saya kerana inilah detik pertama saya memulakan tugas memastikan mahasiswa mahasiswi SESI 2008/2009 semua dapat melalui proses pembelajaran sehingga mampu menjadi graduan yang matang. Modal insan harapan bangsa dan negara di masa hadapan. Tugas ini bukanlah suatu tugas yang mudah kerana selain 4,065 jumlah pelajar baru (75 pelajar antarabangsa), saya juga bertanggungjawab ke atas 15000 mahasiswa yang masih bersama-sama anda di sini dan di kampus UMS Labuan. Namun demikian, saya percaya saya mempunyai pasukan yang cukup kuat dan berpengalaman merealisasikan misi ini.

B) PENGENALAN PEGAWAI UTAMA, DEKAN DAN PENGARAH

Pada kesempatan ini, saya ingin memperkenalkan barisan pengurusan yang akan bersama-sama saya menggalas tugas dan cabaran memandu anda sekalian mendaki tangga-tangga kejayaan

SENARAI NAMA PEGAWAI-PEGAWAI UTAMA, DEKAN & PENGARAH

NO PEGAWAI-PEGAWAI UTAMA

01) Prof Dr Hj Sainudin Hj Tahir

02) Prof Dr. Amran Ahmed

JAWATAN

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

- 03) En Abdullah Hj. Mohd Said Pendaftar
- 04) Haji Rizal othman Bendahari
- 05) Puan Dayang Rukiah Awang Amit Tmbalan Ketua Pustakawan
- 06) Prof Dr Syed Azizi Syed Khalid Wafa Pengarah UMS-KAL

NO DEKAN-DEKAN

JAWATAN

- 07) Prof. Dr. Osman Ali Dekan Sekolah Perubatan (SPU)
- 08) Prof Dr Mohd Shuaib Che Din Dekan Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial (SPsiKS)
- 09) Prof Harun Abdullah Dekan Sekolah Sains dan Teknologi (SST)
- 10) Prof Dr Zukifli Mohamed Dekan Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial (SPPS)
- 11) Prof Madya Dr Ismail Abdullah Dekan Sekolah Sains Makanan dan Pemakanan (SSMP)
- 12) Prof Madya Hj Inon Shahrudin A.R Dekan Sekolah Pengajian Seni (SPS)
- 13) Prof Madya Dr Hj Kasim Mansur Dekan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (SPE)
- 14) Prof Madya Dr Mahmud Sudin Dekan Sekolah Perhutanan Tropika dan Antabarangsa (SPTA)
- 15) Dr Asmady Idris Dekan Sekolah Sains Sosial (SSS)
- 16) Dr Rosalam Sarbatly Dekan Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat (SKTM)
- 17) Prof Madya Dr Andreas Totu Dekan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB)
- 18) Prof Dr Ridzwan Abdul Rahman Dekan Sekolah Pertanian Lestari (SPL)
- 19) Dr. Rosita Katherine Chong @ Rosidawati Abdullah Dekan Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan

- 20) En Muzaffar Hamzah Pemangku Dekan Sekolah Sains
Informatik Labuan
- 21) Prof Datin Dr Maryati Mohamed Dekan Pascasiswazah

NO PENGARAH-PENGARAH

JAWATAN

- 22.) Prof Datin Dr Ann Anton Pengarah Institut Penyelidikan
Bioteknologi (IPB)
- 23) Prof Dr Saleem Mustafa Pengarah Institut Penyelidikan Marin
Borneo (IPMB)
- 24) Prof Madya Dr. Abdul Hamid Ahmad Pengarah Institut Biologi dan Tropika
Pemuliharaan (IBTP)
- 25) Prof Madya Abdul Jamal Abd Hamid Pengarah Pusat Ko-Kurikulum dan
Pemajuan Pelajar (PKPP)
- 26) Prof. Madya Dr. Shariff AK Omang Dekan Pusat Pembangunan Pelajar
Dan Alumni
- 27) Prof Dr Vincent Phang Pengarah Pusat Perkembangan
Akademik (PPA)
- 28) Prof Dr Rosnah Ismail Pengarah (Penyelidikan), PPI

Mahasiswa Mahasiswi Universiti Malaysia Sabah,

C) 'GREEN CAMPUS' - MEMULIHARA ALAM SEKITAR

Globalisasi tidak semestinya memberikan kemajuan dalam kehidupan. Kemajuan atau pembangunan yang terhasil jika tidak dikawal sebaiknya akan membawa kemudaratan kepada hidup manusia itu sendiri. Pemuliharaan alam sekitar mudah terancam dan akhirnya proses kehidupan manusia tercabar dan menjadi semakin sulit pula. Saya percaya sewaktu anda melangkah masuk ke kampus UMS anda pasti akan teruja dengan keindahan yang terdapat dalam kampus ini. Jika anda

tidak merasakan sedemikian, maka pastikanlah anda memiliki perasaan tersebut kerana UMS adalah rumah anda. Kebersihan, kecantikan dan keharmonian UMS adalah tanggungjawab anda. Semaikanlah di dalam hati dan perasaan anda komitmen yang telah tersemat dalam hati dan sanubari senior-senior anda ini.

"Pokok-pokok merimbun hijau, lautan indah terbentang luas, banjaran Gunung Kinabalu megah tersergam, semuanya turut riang menerima anda semua." Justeru pastikanlah anda juga bertanggungjawab kepada keriang mereka itu. UMS bertekad untuk memastikan identiti "Green Campus" akan terus dipelihara. Selain itu, UMS juga akan mengelakkan penganjuran program atau aktiviti yang melibatkan penggunaan plastik dan poliestirene dalam usaha mengurangkan ancaman bahan-bahan sukar lupus ini mencemari bumi.

Mahasiswa Mahasiswi yang dikasihi sekalian,

D) GAYA HIDUP SIHAT - 'HEALTH AWARENESS'

Dengan kerjasama dan sokongan jentera pengurusan yang ada, saya akan memperkembangkan konsep "health awareness" atau "gaya hidup sihat" di kalangan warga kampus, termasuklah mahasiswa mahasiswi sekalian. Minda yang cerdas lahir dari tubuh yang cergas.

Setinggi mana pun ilmu kita kejar, jika kesihatan tidak terpelihara, maka kita mungkin tidak mendapat manfaatnya atau berkongsi manfaat itu dengan keluarga dan masyarakat kita. Penyelidikan dan pembelajaran akan sedaya upaya menjurus

kepada agen-agen yang menyumbang kepada kesihatan seperti pemakanan yang sihat, aktiviti yang selamat, dan seumpamanya. Akhirnya, warga UMS mampu menjadi warga yang efisien dan produktif.

E) KAMPUS YANG SELAMAT

Sehubungan dengan usaha gaya hidup sihat ini, kempen keselamatan turut menjadi agenda berterusan universiti. Beberapa kejadian malang yang berlaku sebelum ini tidak mustahil akan berlaku lagi kerana kejadian-kejadian tersebut adalah berlaku di luar kawalan manusia. Namun apa yang penting adalah bergantung kepada usaha kita sendiri untuk meminimalkan risiko dalam kehidupan walau dimana kita berada.

Mahasiswa mahasiswi sekalian usah risau dan bimbang kerana di dalam kampus, UMS mempunyai persediaan-persediaan dan peraturan-peraturan keselamatan yang jika diikuti dan dipatuhi akan menjamin keselamatan anda semua. Walaupun tahap keselamatan di luar kampus juga telah semakin dipertingkatkan oleh pihak berkuasa, namun mahasiswa mahasiswi digalakkan untuk sentiasa bergerak dalam kumpulan. Untuk membina keselesaan pergerakan berkumpulan ini, maka ianya boleh dimulakan dengan mengamalkan budaya belajar secara berkumpulan atau dipanggil "study group." Lama-kelamaan kita akan dapat sama-sama menonjolkan kembali UMS sebagai kampus yang selamat.

Mahasiswa Mahasiswi yang dikasihi sekalian,

E) PERPADUAN

Mungkin ramai di kalangan para pelajar sekalian baru pertamakali menjejakkan kaki di Negeri Bawah Bayu ini. Sesungguhnya dengan berpeluang ke UMS, ianya merupakan satu peluang keemasan untuk anda melalui dan mempelajari pelbagai pengalaman baru yang tidak mungkin anda perolehi di tempat asal anda. Selain menikmati keindahan negeri ini, anda juga berpeluang untuk mengenali masyarakat negeri ini yang terdiri daripada lebih dari 30 etnik. Setiap daripada mereka ini mempunyai keunikan identiti mereka yang tersendiri.

Malah di UMS sendiri, anda akan dapat mempelajarinya secara lebih praktikal melalui rakan-rakan anda yang berasal dari Sabah. Pengalaman UMS sebelum ini, dengan beberapa acara sambutan seperti Pesta Kaamatan/Gawai, Pesta Ang Pow, Fiesta Cahaya dan Majlis Rumah Terbuka Aidil Fitri anjuran para pelajar adalah di antara beberapa program yang akan menceriakan lagi suasana kampus.

Para pelajar juga akan berkesempatan untuk mengenali lebih dekat budaya masyarakat setempat melalui aktiviti-aktiviti Bakti Siswa dan seumpamanya yang akan diadakan di beberapa kawasan luar bandar di Sabah. Pendek kata, paparan flora dan fauna akan tambah memukau dan mempersona dengan mengenali lebih dekat masyarakat negeri ini yang sentiasa ramah dan mudah mesra.

F) BUDAYA PENYELIDIKAN

Walaupun UMS dikategorikan sebagai universiti komprehensif, tetapi kita yakin bahawa kita juga mempunyai kekuatannya yang tersendiri dalam penyelidikan dan inovasi. Kelebihan negeri Sabah ialah ianya memiliki khazanah marin dan hutan alam semulajadi yang tersohor di peringkat antarabangsa. Kekuatan ini akan kita jadikan sebagai asas kepada memperkembangkan lagi inisiatif-inisiatif para penyelidik UMS untuk terus menghasilkan kejayaan demi kejayaan dalam bidang penyelidikan.

Buat masa ini, biarlah kita menganggap diri kita sebagai "the sleeping giant in research and innovation" dahulu. Setelah kita benar-benar terbukti bersedia, maka hasrat itu akan kita perkasakan dan kita menjadi salah satu daripada universiti yang menjadi tumpuan untuk rujukan rakan-rakan penyelidik antarabangsa.

Mahasiswa Mahasiwi yang dikasihi sekalian,

G) "ACADEMIC EXCELLENT" - KECEMERLANGAN AKADEMIK

UMS telah diberi taraf '**baik**' yakni **tiga bintang** oleh Malaysian Qualifications Agency dalam Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi (SETARA) baru-baru ini. Ini ialah hasil usaha gigih semua pihak termasuk pihak Lembaga Pengurusan Universiti, pegawai utama dan kanan, kakitangan akademik, kakitangan pengurusan dan pentadbiran, kakitangan sokongan dan semua pelajar. Di sini saya ingin mencabar semua pelajar baru agar memainkan

peranan yang positif dan berusaha seiring dengan semua pihak yang saya sebutkan tadi untuk membawa UMS ke tahap yang lebih tinggi lagi.

Dalam konteks ini semua pelajar boleh memberikan sumbangan dengan mengambil bahagian secara bersungguh-sungguh dalam aktiviti pembelajaran. Ini termasuklah menunjukkan komitmen yang tinggi dalam kuliah, tutorial, kerja lapangan, kerja makmal dan lain-lain aktiviti akademik. Begitu juga dalam kerja penyelidikan, para pelajar diseru agar menjalankan penyelidikan yang penting dalam bidang masing-masing bersama dengan pensyarah yang merupakan mentor anda. Hasil penyelidikan berkenaan boleh diterbitkan dalam jurnal berimpak tinggi yang berkenaan. Usaha seperti ini juga akan membolehkan anda menguasai pengetahuan dalam bidang pengajian dan kemahiran intelek yang amat diperlukan di tempat kerja kelak.

H) PENUTUP - "UNIVERSITI CERIA"

Segala perkara yang telah saya sampaikan tadi adalah menjurus kepada usaha saya untuk menjadikan UMS Sebagai UNIVERSITI YANG CERIA. Untuk itu, elemen-elemen seperti, gaya hidup sihat, tahap keselamatan yang terjamin, tali perpaduan yang mantap, budaya penyelidikan yang berkembang dan kecemerlangan akademik yang berterusan akan sama-sama kita realisasikan.

Dalam pada itu, saya berpesan kepada mahasiswa mahasiswi sekalian bahawa walaupun anda berada jauh dari keluarga, anda

hendaklah sentiasa ingat bahawa anda sebenarnya sentiasa berada dalam ingatan dan sanubari mereka. JANGAN SEKALI-KALI lupa pada mereka. Pada setiap kesempatan yang ada, hubungi dan ketahuilah keadaan mereka (**kemudahan handphone dan sms murah**). Teruskan mengejar cita-cita anda dan penuhi impian ahli keluarga anda dengan sentiasa bertekad cemerlang.

**Selamat Datang, ke Universiti Ceria,
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH.**

dan

Selamat Maju Jaya!

**Sekian,
wassalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.**